

KHAMIS 29.10.15

Mega

UTUSAN MALAYSIA

Mode

HARI
MENCUCI
TANGAN
SEDUNIA »8

9.9%
men Bakteria

Kesibukan
bukan alasan
untuk tidak
mendekatkan
diri dengan
Allah

UZLAH PENAWAR HATI



Mode

JANGAN
ABAI SUARA OKU »6

Agama

SUAMI
DINGIN
TANPA
SEBAB »19



Hits

KENDALL
JENNER JUAL
BARANGAN
PERIBADI »25



fokus

Asing diri bersih hati

Rasulullah SAW beruzlah di Gua Hira untuk sucikan hati sebelum didatangi Jibril

Oleh SITI AISHAH YUSOFF
agama@utusan.com.my



SEBELUM wahyu pertama diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW melalui malaikat Jibril di Gua Hira, baginda beruzlah di gua tersebut beberapa malam bagi menghindarkan diri daripada kaumnya pada masa itu yang jauh terpesong daripada norma-norma kehidupan.

Uzlah bermaksud mengasingkan diri ke arah kebaikan terutama untuk mendekatkan diri dengan Allah SWT.

Ketika itu masyarakat di Mekah hidup tanpa panduan, sesat dalam jahiliah dengan menyembah berhala, berzina, berjudi, minum arak dan membunuh anak

perempuan.

Semasa baginda tinggal berseorangan di dalam Gua Hira, Nabi Muhammad menghabiskan waktu dengan memperbanyakkan amal ibadat dan berdoa selain melakukan perkara yang membawa kepada mengingati Allah.

Keputusan Nabi Muhammad SAW mengasingkan diri daripada kaumnya merupakan ubat terbaik ketika itu untuk merawat hati dan jiwa yang sedang berduka.

Ibn 'Atha'illah as-Sakandar dalam *Syarah al-Hikam* menyebut: "Tidaklah ada sesuatu perkara memberi manfaat kepada hati melainkan apabila seseorang beruzlah yang mana padanya dia bertafakur dan memikirkan keagungan Allah."

Seruan untuk beruzlah kepada setiap individu merupakan perkara yang dituntut dalam Islam kerana perbuatan mengasingkan diri untuk tujuan mengingati Allah SWT mempunyai pahala dan ganjaran besar di sisi-Nya.


Pendakwah terkenal, Dr. Mohd. Sukki Othman berkata, uzlah dari segi bahasa bermaksud mengasingkan diri untuk mencari keredaan Allah.



MOHD. SUKKI OTHMAN

BERUZLAH untuk mencari Allah dan bermuhasabah atas kealpaan diri yang selalu terlupa tanggungjawab sebagai seorang hamba kepada Pencipta.

- GAMBAR HIASAN



Tidaklah ada sesuatu perkara memberi manfaat kepada hati melainkan apabila seseorang beruzlah yang mana padanya dia bertafakur dan memikirkan keagungan Allah."

Beruzlah walaupun sibuk

KESIBUKAN dalam menjalankan tugas sehari-hari bukanlah alasan bagi seorang Muslim untuk tidak beruzlah dan bermuhasabah diri supaya tahap keimanan serta ketakwaan sentiasa bertambah setiap hari.

BERUZLAH SEBELUM TIDUR

Mengulas lanjut persoalan itu, Mohd. Sukki menambah, walaupun kita bekerja dalam bidang apa sekalipun, mencari peluang untuk mengasingkan diri dengan 'beruzlah' boleh dilakukan pada bila-bila masa dan dalam pelbagai keadaan kerana tindakan itu merupakan satu ibadah mulia untuk memperbaiki diri dan hubungan dengan Allah.

"Syeikh Dr. Muhammad Said

Ramadhan al-Buti berpandangan bahawa uzlah boleh dilakukan setiap hari dengan mengasingkan diri sama ada di dalam rumah atau di mana-mana tempat yang kita tinggal. Bukan bermakna jika kita sedang berada dalam satu kelompok yang ramai tidak boleh beruzlah tetapi keadaan itu mungkin agak sukar sedikit namun tidak mustahil boleh dilakukan.

"Contohnya seorang bapa yang ingin beruzlah, dia boleh mengambil masa selama 30 minit sebelum tidur untuk mengasingkan diri daripada keluarga secara duduk atau berdiri di suatu tempat yang sunyi seperti di beranda rumah atau dalam bilik dengan memikirkan kebesaran dan keagungan Allah SWT.

"Waktu ini adalah masa sesuai untuk muhasabah diri kerana jiwa

kita lebih tenang dan lapang. Dalam masa yang sama apabila penghayatan sampai dalam jiwa kita akan mudah memperbaiki diri dan mengakui kesalahan terhadap apa yang kita lakukan sepanjang hari," katanya.

BERUZLAH KETIKA MELANCONG

Melancong dengan melawat ke tempat-tempat menarik di dunia juga adalah satu cara untuk kita mengagungkan kekuasaan Allah.

Firman Allah: "Berjalanlah di muka bumi, maka perhatikanlah bagaimana (Allah) memulai penciptaan (makhluk), kemudian Allah menjadikan kejadian yang akhir, sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas segala sesuatu," (al-Ankabut,

29:20).

Tambahnya, uzlah adalah satu perkara yang memberi kebaikan, maka perlu kita melaksanakan perkara tersebut untuk memperbaiki diri agar menjadi Muslim yang bertakwa.

"Contohnya seorang ahli perniagaan yang memiliki sebuah kedai runcit akan membuat pengiraan keuntungan sebelum dia menutup kedai. Dengan cara tersebut dia boleh membuat perancangan tentang jualannya supaya perniagaannya menjadi semakin maju.

"Begitu juga dalam konteks amal ibadah kita kepada Allah, amalan itu perlu di muhasabah. Jika kita berada dalam kelompok orang ramai masa untuk melakukan uzlah agak sukar. Jadi waktu kita berseorangan tanpa gangguan adalah masa terbaik untuk beruzlah," katanya.

"Ada pelbagai persepsi yang dibincangkan oleh alim ulama tentang maksud uzlah. Dalam ilmu tasawuf uzlah bertujuan mencari Allah kerana ditakuti jika disebabkan kehadiran dirinya dalam masyarakat akan memberi kesan mudarab kepada mereka akibat daripada kata-katanya," jelasnya yang juga Pensyarah Kanan, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.


Rasulullah SAW pernah bersabda bahawa: "Seorang Muslim ialah apabila orang lain terselamat daripada lidahnya dan tangannya dan seorang Mukmin adalah seorang yang apabila orang lain berada aman daripadanya terhadap jiwa dan harta benda mereka." - Riwayat an-Nasaie.

Tambah Mohd. Sukki, bertapa juga termasuk dalam uzlah tetapi cara tersebut banyak yang sesat kerana tujuan dan pelaksanaannya tidak betul dan boleh mengundang kepada tipu daya iblis serta syaitan.

"Bertapa dengan mengamalkan zikir tertentu untuk tujuan dunia seperti mendapat kekebalan adalah ditegah oleh syarak, tambahan pula jika dalam proses tersebut individu berkenaan tidak menunaikan tanggungjawab syariat seperti meninggalkan solat.

"Perbuatan uzlah seperti bertapa yang dilakukan tanpa ilmu akan mengundang mudarat kepada diri sehingga mengundang pengaruh iblis kerana apa yang diperoleh mereka bukan karamah atau kurniaan daripada Allah, tetapi dibimbangi ia adalah sesuatu yang mempunyai elemen ilmu hitam atau ilmu syaitan," jelasnya.

JADIKAN al-Quran sebagai panduan dalam kehidupan yang bakal menyinari kehidupan daripada kegelapan. - GAMBAR HIASAN



BERSUJUD sebagai tanda syukur kepada Allah, sekali gus menginsafi bahawa sebagai seorang hamba langsung tidak mempunyai sebarang kelebihan sekiranya tidak mendapat pengampunan daripada-Nya. - GAMBAR HIASAN

Uzlah perlu ilmu

MOHD. Sukki berkata, sebelum seseorang mengasingkan diri untuk tujuan beribadah dan mencari Allah mereka harus mempunyai persediaan ilmu agama sebagai landasan mengenali Allah dengan lebih dekat serta jelas.

"Uzlah adalah satu perbuatan yang berkaitan dengan hati. Apabila seseorang individu ingin beruzlah mereka perlu memasukkan roh dan jiwa dalam badan dan membawa kedua-duanya bersama-sama dalam usaha mencari Allah serta bertafakur tentang keagungan-Nya.

"Walau siapapun yang sedang beruzlah mereka perlu mempunyai ilmu selain mempunyai tujuan dan matlamat yang jelas untuk muhasabah diri menyucikan jiwa daripada sebarang kekotoran dan kesalahan," katanya.

Jelasnya, ada perbezaan uzlah antara orang berilmu dan mempunyai asas agama dengan individu yang tidak mempunyai ilmu tentang Islam kerana perbuatan tersebut akan memberi kesan kepada jiwa.

"Contohnya banduan merupakan golongan yang melakukan kesalahan. Bezanya seorang banduan yang mempunyai asas agama akan menggunakan peluang yang ada sepanjang dia berada di sebalik tirai besi untuk beruzlah. Dia akan gunakan masa keserangan itu untuk mencari Allah dan membersih jiwa serta mendekatkan diri dengan Allah.

"Kalau seorang banduan yang mempunyai latar belakang melakukan dosa seperti maksiat, rendah nilai agama dan kekuatan jiwa yang kosong uzlah itu tidak akan berfungsi kerana tiada ilmu," katanya.

Tambahnya, banduan walaupun berada dalam penjara tetapi mereka masih berpeluang untuk belajar dan mendalami ilmu agama yang diajar di dalam penjara. Dengan cara tersebut membantu mereka membersih jiwa selain daripada bertaubat kepada Allah.

KESALAHAN DALAM BERUZLAH

Menghuraikan lebih lanjut tentang uzlah, Mohd. Sukki menambah kesalahan yang terjadi adalah bermula dengan niat.

Daripada Umar bin-Khathab r.a. katanya dia mendengar Rasulullah SAW bersabda: "Tiap-tiap amal harus

disertai dengan niat. Balasan bagi setiap amal manusia, ialah pahala bagi apa yang dimatiakannya. Maka sesiapa (niat) hijrahnya kerana Allah dan Rasul-Nya, baginya pahala hijrah kerana Allah dan Rasul-Nya. Dan sesiapa (niat) hijrahnya kerana dunia yang hendak diperolehnya atau kerana perempuan yang hendak dikahwininya, maka (pahala) hijrahnya sesuai dengan niatnya untuk apa dia hijrah." - Riwayat Bukhari.

Tambahnya, jika beruzlah untuk mendapat sesuatu habuan dunia seperti berzikir untuk tujuan ghaib, jadi kebal dan boleh terbang, maka tujuan itu tidak betul.

"Apabila tujuan tidak betul maka pelaksanaan tersebut akan mengundang pengaruh kepada syaitan yang akan menyesatkan individu itu dengan mudah.

"Untuk beruzlah juga kena ada ilmu, keikhlasan dan mengetahui apa yang ingin dicari supaya apa-apa perkara yang dilakukan bertepatan dengan hukum syarak," katanya.



BERZIKIR mengingati Allah mampu meningkatkan keimanan kepada Allah. - GAMBAR HIASAN